



# 12 SEBATAN DEPAN 100 SAKSI

BERNAMA

*HARAPAN METRO 04/04/2011*  
■ Dua wanita dihukum rotan titis  
air mata ketika hukuman dijalankan



## Kuala Terengganu

**K**elibat seorang pegawai penjara wanita berbadan besar dan tegap memegang rotan di tangan kanan mengundang debar pada mereka yang datang menyaksikan pelaksanaan hukuman ke atas dua

wanita yang didapati bersalah melakukan hubungan sejenis.

Hukuman itu yang dijalankan di bilik mahkamah Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di sini, semalam adalah yang pertama kali berlaku di negara ini membabitkan kesalahan seumpamanya dan disaksikan oleh lebih 100 orang termasuk pengamal media, keluarga dan peguam syarie.

Namun apabila hukuman dijalankan, barulah mereka yang hadir sedar bahawa benarlah kata-kata Hakim Syarie

Kamalruazmi Ismail

ketika di awal prosiding bahawa hukuman itu adalah berbentuk pengajaran dan bukannya untuk mencederakan.

Tiada sebarang perkara tidak diingini berlaku, malah ketika rotan hinggap di tubuh badan tertuduh, tiada jeritan kedengaran kerana pegawai penjara itu masih perlu mengikut peraturan yang ditetapkan iaitu menggunakan kekuatan sederhana tanpa mengangkat tangan melebihi kepala tertuduh.

Tertuduh pertama berusia 32 tahun itu dilihat mengalirkan air mata selepas hukuman rotan enam kali itu selesai manakala tertuduh kedua (22 tahun) mula sebak ketika menerima sebatan ketiga dan terpaksa dihentikan seketika sebelum menyambung

tiga sebatan seterusnya.

Dua wanita itu dihukum sebat enam kali semalam kerana cuba melakukan hubungan seks di dalam sebuah kereta di Dataran Arena Square, Dungun, 1.50 tengah hari pada 8 April lalu.

Selain itu kedua-duanya turut didenda RM3,300 atau empat bulan penjara jika gagal menjelaskan denda.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang dibaca bersama Seksyen 59 (1) enakmen yang sama kerana musahabah.

Kedua-dua tertuduh diberi peluang untuk membuat rayuan ke atas hukuman sebat itu dalam tempoh 14 hari namun tidak berbuat demikian sehinggalah tempoh tamat.

Beberapa pihak turut terbabit dalam pelaksanaan hukuman itu iaitu pegawai perubatan, pegawai penjara dan juga kakitangan mahkamah.

Selepas Hakim Syarie memberi kebenaran pelaksanaan hukuman,

M/S 10  
pegawai penjara memanggil nama tertuduh dan kemudiannya tertuduh dibawa ke hadapan pegawai penjara untuk mengesahkan identiti mereka seperti dalam rekod.

Pegawai penjara juga bertanya kepada kedua-dua tertuduh, yang berbaju kurung dan bertudung putih, sama ada mereka ingin mengemukakan rayuan terhadap hukuman itu.

Selepas pegawai perubatan mengesahkan tahap kesihatan tertuduh dan tertuduh bersedia menerima hukuman sebat, tertuduh dibawa ke satu sudut bilik mahkamah dengan duduk di atas kerusi membelakangi mereka yang berada di galeri awam.

Muka tertuduh dipusing ke bahagian kanan manakala pegawai penjara yang melaksanakan hukuman berdiri di sebelah kiri.

Hukuman rotan bagi kedua-dua tertuduh bermula jam 10.10 pagi dan secara berturut-turut dalam tempoh tidak sampai tiga minit setiap seorang.

## 'Jangan anggap pesalah ini hina'

**Kuala Terengganu:** "Janganlah anggap dua pesalah wanita ini hina, orang yang buruk dan jelik kerana apabila mereka bersedia menerima hukuman ia adalah tanda sudah insaf dan sedar atas kesilapan."

Itu peringatan Hakim Syarie Kamalruazmi Ismail susulan pelaksanaan hukuman enam kali sebatan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu semalam ke atas dua wanita yang didapati bersalah melakukan hubungan sejenis ketika ditahan dalam sebuah kereta, April lalu.

Tegasnya, hukuman itu juga adalah berbentuk pengajaran,

peringatan serta pencegahan kepada pesalah itu sendiri dan masyarakat supaya tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

"Sebatan dalam syariah bukan untuk mencederakan, menyiksa dan mengazabkan pesalah. Mudah-mudahan hukuman ini menjadi pengajaran dan peringatan kepada seluruh umat Islam dan memberi gambaran bagaimana hukuman syariah itu adalah satu hukuman yang berbentuk mendidik dan bukan untuk menyiksa," katanya.

Kamalruazmi berkata demikian di awal prosiding dengan disaksikan Ketua Hakim

**DUA** wanita yang dijatuhi hukuman sebat atas kesalahan melakukan hubungan sejenis hadir ke Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, semalam.

# PROSEDUR SEBATAN

1 **Pesalah** mengenakan sepasang baju kurung dan bertudung putih duduk di kerusi tanpa penyandar yang disediakan

2 **Pegawai pengiring** berbaju T berkolar berwarna gelap, berseluar gelap dan memakai penutup muka

3 **Tukang sebat** memakai baju-T berkolar, seluar gelap dan memakai penutup muka sambil memegang rotan

4 **Tukang sebat** mengepit ketiak sambil memegang rotan

5 **Setiap pesalah** dikenakan enam sebatan

## ADAB SEBATAN

- ▶ **Panjang** rotan tidak lebih 1.22 meter, tebal tidak lebih 1.25 sentimeter.
- ▶ **Sebatan** tidak boleh kena muka, kepala, perut, dada atau bahagian sulit.
- ▶ **Perempuan** disebat dalam keadaan duduk.
- ▶ **Sebatan** dengan kekuatan sederhana
- ▶ **Tangan** tukang sebat tidak melebihi kepala
- ▶ **Tidak** melukakan kulit pesalah



HORLBY METRO

04/09/2019 MS  
Bertudung putih

**Tukang sebat** memakai penutup muka, baju-T berkolar, dan berseluar gelap

**Pesalah** berbaju kurung

**Pegawai pengiring** memakai penutup muka, baju-T berkolar, dan berseluar gelap





Kerusi  
tanpa  
penyandar

varie Terengganu Wan Mohd  
akri Wan Mohd dan Hakim  
anan Syarie Terengganu Rosdi  
arun serta lebih 100 orang yang  
berada di galeri awam.

Dua wanita itu, berusia 32 dan  
2 tahun masing-masing,  
dihukum sebat enam kali kerana  
tiba melakukan hubungan seks  
dalam sebuah kereta di Dataran  
rena Square, Dungun, pada jam  
50 tengah hari 8 April lalu.

Selain itu, kedua-duanya turut  
denda RM3,300 atau empat  
bulan penjara jika gagal  
menjelaskan denda.

Mereka didakwa mengikut  
Seksyen 30 Enakmen Kesalahan  
Jenayah Syariah (Takzir)  
(Terengganu) 2001 yang dibaca  
bersama Seksyen 59 (1)  
enakmen yang sama kerana  
musahaqah.

Kedua-dua tertuduh diberi  
peluang untuk membuat  
rayuan ke atas hukuman sebat  
itu dalam tempoh 14 hari  
namun tidak berbuat demikian  
sehinggalah tempoh tamat.

Sementara itu, pada sidang  
akhbar, Pengerusi Jawatankuasa  
Pelaksanaan Syariah, Pendidikan

dan Pengajian Tinggi negeri  
Satiful Bahari Mamat yang  
sempat menyaksikan  
pelaksanaan hukuman itu  
turut memberi peringatan  
yang sama dan berharap  
tiada spekulasi negatif  
berkenaan kes terbabit.

Katanya, segala prosedur  
dipatuhi dan pihak  
Penjara Kajang serta  
Pengkalan Chepa,  
Kelantan  
bertanggungjawab  
melaksanakan  
hukuman semalam.



“Sebatan dalam syariah bukan  
untuk mencederakan,  
menyiksa, dan mengazabkan  
pesalah. Mudah-mudahan  
hukuman ini menjadi  
pengajaran dan peringatan  
kepada seluruh umat Islam dan  
memberi gambaran bagaimana  
hukuman syariah itu adalah  
satu hukuman yang berbentuk  
mendidik dan bukan untuk  
menyiksa”

Kamalruazmi Ismail



PESALAH keluar meninggalkan dewan bicara selepas menjalani hukuman sebat di khalayak umum di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, semalam.

# Tak zalimi sesiapa

B HARIAN METRO 04/09/2012 M/S 12

■ Hukuman dijalankan agar umum tahu cara pelaksanaan

# Bukti pihak berkuasa serius

## Kuala Terengganu

**H**ukuman sebat yang dijalankan terhadap pasangan kekasih songsang di Mahkamah Tinggi Syariah di sini, bersifat mendidik dan memberi pengajaran kepada pelaku dan masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Satiful Bahari Mamat menegaskan hukuman yang dilaksanakan itu bukan untuk mencederakan atau menzalimi mana-mana pihak.

Bagaimanapun, katanya, hukuman itu boleh dianggap sebagai amaran kepada masyarakat bagi menjauhi perbuatan maksiat lebih-lebih lagi zina yang ditegah dalam Islam.

"Hukuman ini dijalankan kepada umum supaya masyarakat mengetahui cara pelaksanaan sebatan dijalankan.

"Yang penting masyarakat boleh mengambil iktibar daripada apa yang berlaku terhadap dua wanita berkenaan supaya 1.1 juta rakyat Terengganu dan di luar mengambil pengajaran, sekali gus mengelakkan kesalahan sama berulang," ka-

**Kuala Terengganu:** Hukuman sebat terhadap pasangan lesbian di Mahkamah Tinggi Syariah di sini, semalam membuktikan pihak berkuasa serius melaksanakan undang-undang membendung amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini.

Menteri Besar Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, pelaksanaan hukuman itu buat kali pertama di Terengganu diharap menjadi titik tolak membendung amalan LGBT serta pergaulan bebas secara lebih tegas.

Beliau berkata, golongan LGBT yang menentang hukuman itu perlu memahami perlakuan songsang mereka bertentangan dengan hukum agama dan budaya masyarakat serta perlu ditangani.

"Sebagai pentadbir erajaan, kita mendukung *rule of law* (prinsip undang-un-

dang) iaitu tindakan salah dalam enakmen, undang-undang dan peraturan, haruslah dikenakan tindakan.

"Kerana undang-undang itu ada, maka kita tegakkan ia dan mereka (pengamal LGBT) yang tidak puas hati kena faham perkara ini.

"Hubungan songsang ini perlu dibendung dan kita percaya (hukuman sebatan) menghantar mesej perbuatan tidak sesuai dan salah seperti ini (LGBT) tidak wajar dilakukan," katanya selepas merasmikan Seminar Kearifan Tempatan-Tekstil dan Pelancaran e-Commerce Muzium Maya di sini, semalam.

Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu semalam, mengenakan hukuman masing-masing enam sebatan terhadap dua pesalah wanita berusia 22 dan 32 tahun.

tanya di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) Musa Awang berkata, pelaksanaan hukuman sebat terhadap pelaku musahaqah (lesbian) yang dijalankan itu membuktikan Islam menyantuni pesalah.

Katanya, hukuman sebatan syariah yang dijalankan dalam keadaan pesalah memakai pakaian menutup aurat, menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dulu, ringan dan tidak melukakan membuktikan kepada ma-

sarakat yang mempertikai hukuman itu.

"Hukuman sebat syariah melindungi maruah pesalah, maka sebab itu mereka dibenarkan memakai pakaian menutup aurat, baik lelaki atau wanita.

"Berbeza dengan sebatan sivil dan barat, pesalah akan ditelanjarkan, hanya bahagian kemaluan saja ditutup dengan kain atau cawat dan bahagian punggungnya akan diikat pada abah-abah dengan tali pinggang.

"Ia membuktikan sebatan syariah tidak kejam dan zalim seperti didakwa sesetengah pihak," katanya.

Menjawab persoalan kehadiran orang ramai yang

menyaksikan pelaksanaan hukuman itu dijalankan, Musa berkata, kehadiran mereka bukan bertujuan menjatuhkan kehormatan atau memalukan pesalah, sebaliknya memberi mesej kepada orang lain mengenai kesalahan dan akibat selain menimbulkan kegerunan dan pencegahan.

Pada 18 Ogos lalu, pasangan lesbian berusia 22 dan 32 tahun dijatuhi hukuman denda RM3,300 setiap seorang dan enam sebatan selepas mengaku salah kerana melakukan seks sejenis.

Pasangan itu ditahan ketika bermadu asmara di dalam kereta di Arena Merdeka, Dungun, pada 8 April lalu.

**FAKTA**  
Hukuman dijalankan dalam keadaan pesalah berpakaian menutup aurat, jalani pemeriksaan kesihatan